



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI ADNAN BIN HJ. MD IKSHAN  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**MAJLIS MAKAN MALAM  
PROGRAM TREASURE HUNT  
WILAYAH PERSEKUTUAN 2016**

**13 FEBRUARI 2016 (SABTU)  
DUYONG MARINA RESORT, TRENGGANU**

---

**Bismillahir Rahman Nirrahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam  
Sejahtera dan Salam 1Malaysia**

**YBhg. Dato' Haji Osman bin Muda,  
Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu**

**Pegawai-Pegawai Kanan, SUK Terengganu**

**Pegawai-Pegawai Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan  
Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Majlis Sukan  
Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Pembangunan  
Kampung Bharu**

**Wakil-Wakil NGO's  
Para peserta Treasure Hunt Wilayah Persekutuan 2016**

## Rakan-Rakan Media

Hadirin-hadirat, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua, dapat kita bersama-sama berhimpun di Majlis Makan Malam dan Sesi Penyampaian Hadiah bagi Program Treasure Hunt Wilayah Persekutuan bersempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016.
2. Saya amat berbesar hati dan berterima kasih di atas sambutan penuh mesra dari Kerajaan Negeri Terengganu terutamanya **YBhg Dato' Haji Osman bin Muda, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu** terhadap rombongan besar kami dan juga semua peserta program Treasure Hunt Wilayah Persekutuan yang buat julung kali diadakan merentasi sempadan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016.
3. Saya berasa sungguh teruja dan bersyukur kepada Ilahi kerana program ini dapat direalisasikan dengan hasil usaha dan kerjasama antara Kementerian Wilayah

Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Kerajaan Negeri Terengganu.

## **SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2016**

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;**

4. Untuk makluman semua, Sambutan Hari Wilayah Persekutuan disambut setiap tahun bagi memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Sambutan ini merupakan gabungan ketiga-tiga Wilayah Persekutuan sejak wujudnya Kementerian Wilayah Persekutuan pada 27 Mac 2004. Tahun ini adalah merupakan sambutan yang ke-12.
  
5. Tema Sambutan Hari Wilayah pada tahun ini adalah 'Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera'. Pemilihan tema ini bertepatan dengan aspirasi Kementerian Wilayah Persekutuan yang ingin menjadikan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai sebuah bandar yang ceria dalam aspek persekitaran yang bersih serta indah, kehidupan yang kondusif dan selamat seiring dengan konsep *sense of belonging* yang ingin diterapkan kepada warga Wilayah Persekutuan. Selain itu, kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan dapat dicapai dengan semangat perpaduan, kekitaan, kebersamaan dan

perasaan sayang kepada Wilayah Persekutuan diperteguhkan.

## **TREASURE HUNT WILAYAH PERSEKUTUAN 2016**

### **Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;**

6. Untuk makluman semua , Program Treasure Hunt Wilayah Persekutuan 2016 ini merupakan program kali ke-2 diadakan yang melibatkan kolaborasi dan kerjasama di antara Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu. Ia bermula di Dataran Merdeka dan berakhir di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu.
  
7. Penyertaan program Treasure Hunt Wilayah Persekutuan ini dibuka kepada 2 kategori iaitu Pertama, Kategori Terbuka dikhususkan kepada semua warga negara Malaysia. Manakala Kategori Kedua, adalah penyertaan dari pegawai serta staf Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi dibawahnya serta pihak media. Keseluruhan hadiah yang ditawarkan kepada para pemenang adalah melebihi RM 30,000.00. Alhamdulillah, program hari ini telah menarik minat orang ramai dengan penyertaan sebanyak 110 pasukan.

8. Penglibatan pelbagai pihak di dalam menjayakan program ini amatlah dihargai dan disanjung. Saya dimaklumkan penyertaan juga terdiri dari Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), UNIRAZAK, Persatuan Alumni Fakulti Sukan dan Rekreasi UiTM, EPANCO, dan Majlis Belia Malaysia Wilayah Persekutuan.
9. Sesungguhnya ia adalah tanda sokongan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi semua pihak kepada program-program yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan.
10. Syabas juga saya ucapkan kepada semua pihak terutamanya Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu dalam merealisasikan program ini dengan baik sekali.

## **TUJUAN PROGRAM DIADAKAN**

### **Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;**

11. Tujuan utama program ini dilaksanakan, adalah untuk mempromosi bendera Wilayah Persekutuan dan sebagai satu medium untuk mewar-warkan Sambutan Hari

Wilayah Persekutuan 2016. Di samping itu juga menyokong usaha dalam mempromosikan Tahun Melawat Terengganu 2016.

12. Ia juga sebagai salah satu usaha memupuk nilai rasa sayang dan rasa kepunyaan, '*sense of belonging*' kepada Wilayah Persekutuan dan Negeri Terengganu, soalan-soalan Treasure Hunt Wilayah Persekutuan 2016 juga adalah berkait rapat serta berkisar mengenai maklumat berkaitan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Negeri Terengganu serta soalan-soalan umum yang lain. Laluan pula bermula dari Dataran Merdeka , merentasi Lebuhraya Karak dan terus ke Lebuhraya Pantai Timur dan berakhir di Kuala Terengganu.

## **KOLABRASI DENGAN KERAJAAN TERENGGANU**

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;**

13. Saya juga berhasrat, supaya kolaborasi dengan Kerajaan Negeri Terengganu dapat diteruskan dalam aspek lain, seperti melihat Kaedah Pengurusan Banjir Negeri Terengganu yang telah dijadikan penanda aras untuk pengurusan bencana banjir seluruh negara. Ini bagi memastikan pengurusan banjir di Wilayah Persekutuan dapat dilaksanakan dengan sistematik dan teratur dalam

persediaan menghadapi bencana banjir di masa akan datang.

14. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan juga ingin berkongsi ilmu dalam kejayaan Terengganu sebagai sebuah destinasi pelancongan terkemuka negara terutamanya aktiviti-aktiviti pantai dan pulau seperti *snorkeling, diving, island hopping, shopping* dan *food heaven*. Kami berharap Wilayah Persekutuan Labuan akan dapat mengikuti inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan negeri Terengganu dalam memajukan industri pelancongan pulau dan laut.
15. Disamping itu , Kementerian Wilayah Persekutuan juga mengalu-alukan sekiranya Kerajaan Negeri Terengganu ingin berkongsi rahsia kejayaan KWP contohnya dalam membanteras aktiviti haram di Wilayah Persekutuan. Penubuhan Operasi Banteras Aktiviti Haram atau dikenali dengan OPS BAH menggunakan perkongsian strategik yang melibatkan 21 agensi/jabatan Kerajaan serta penglibatan 9 NGO lain dan tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan kerana kita menggunakan sumber-sumber sedia ada daripada Kementerian sendiri serta agensi-agensi yang terlibat.
16. Saya juga ingin mengajak Kerajaan Terengganu untuk bersama-sama di dalam satu lagi Program Hari Wilayah Persekutuan 2016 iaitu Karnival Makanan Warisan

1Malaysia yang akan berlangsung pada 26 hingga 28 Februari 2016 bertempat di Taman Tasik Titiwangsa yang mengumpulkan semua makanan warisan dari seluruh negara.

17. Saya amat berharap , semoga kolaborasi di antara dua jiwa ini tidak terhenti di sini tetapi dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang.

## **PENUTUP**

18. Akhir kata, Sekalung tahniah dan syabas sekali lagi kepada semua pihak yang telah menyumbangkan idea, tenaga dan komitmen yang tinggi bagi menjayakan Program Treasure Hunt Wilayah Persekutuan 2016. Tahniah sekali lagi kepada semua para pemenang Treasure Hunt Wilayah Persekutuan dan semoga berjumpa lagi pada tahun akan datang.
19. Sekian,           **WABILLAHITAUFIK**           **WALHIDAYAH**  
**WASSALAMUALAIKUM**           **WARAHMATULLAHI**  
**WABARAKATUH.** Terima kasih.